



INFORMASI INFORMATION



SOALAN LAZIM BERKAITAN PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS ON THE IMPLEMENTATION OF TAX IDENTIFICATION NUMBER

(Dikeluarkan pada 31 Disember 2021) | (Published on 31 December 2021)



UMUM
GENERAL

01 Apakah yang dimaksudkan dengan Nombor Pengenalan Cukai (TIN)? What is Tax Identification Number?

Nombor Pengenalan Cukai adalah NOMBOR CUKAI PENDAPATAN sepertimana rekod sedia ada di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL).

Contoh:

Tax Identification Number is an INCOME TAX NUMBER as per existing records with the Inland Revenue Board of Malaysia (HASIL).

Example:

Kategori	Jenis Fail
Individu Pemastautin dan Individu Bukan Pemastautin	SG / OG
Syarikat	C

Category	Types of File
Resident Individuals and Non-Resident SG / OG Individuals	SG / OG
Companies	C

02 Adakah semua kategori pembayar cukai perlu mempunyai nombor cukai pendapatan? Do all categories of taxpayers need to have income tax number?

Mana-mana pembayar cukai yang terdiri daripada kategori di bawah adalah diwajibkan mempunyai nombor cukai pendapatan:

- Pembayar cukai yang boleh ditaksir dan boleh dikenakan cukai; atau
- Pembayar cukai yang dikehendaki untuk mengemukakan Borang Nyata.

Pembayar cukai adalah merujuk kepada individu atau orang sepertimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). 'Orang' adalah termasuk suatu syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan perbadanan tunggal.

Any taxpayer who falls into any of the following categories is required to have an income tax number:

- Taxpayer who is assessable and chargeable to tax; or*
- Taxpayer who is required to furnish a Return Form.*

Taxpayer refers to an individual or a person as defined under Section 2 of the Income Tax Act 1967 (ITA 1967). 'Person' includes a company, a body of persons, a limited liability partnership and a corporation sole.

03 Adakah pihak HASiL memberikan nombor cukai pendapatan kepada semua pihak?

Will HASiL give income tax number to all parties?

Nombor cukai pendapatan akan diberikan melalui permohonan yang dibuat atau diberikan oleh pihak HASiL menerusi kaedah:

- (a) pendaftaran automatik seperti pendaftaran nombor cukai pendapatan individu melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB);
- (b) pendaftaran secara automatik bagi syarikat baharu diperbadankan (syarikat tempatan atau syarikat asing) yang telah mendaftar secara dalam talian dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui Portal MyCoLD;
- (c) secara dalam talian di e-Daftar; atau
- (d) proses pendaftaran manual di Pejabat HASiL yang berhampiran.

Income tax number will be given based on application made or provided by HASiL through the following methods:

- (a) *automatic registration such as registration of income tax numbers for individuals through monthly tax deduction (MTD);*
- (b) *automatic registration of newly incorporated companies (local or foreign companies) that have registered online with the Companies Commission of Malaysia (SSM) at MyCoLD Portal;*
- (c) *via online at e-Daftar; or*
- (d) *manual registration process at the nearest HASiL offices.*

04 Adakah pembayar cukai yang telah mempunyai nombor cukai pendapatan perlu mendapatkan Nombor Pengenalan Cukai?

Do taxpayers who already have an income tax number need to obtain a Tax Identification Number?

Tidak. Mana-mana pembayar cukai yang telah diberikan nombor cukai pendapatan sebelum atau pada 1 Januari 2022 adalah disifatkan sebagai nombor pengenalan cukai bagi pembayar cukai berkenaan.

No. Any taxpayer who has been assigned an income tax number before or on 1 January 2022 is deemed to be the tax identification number for that relevant taxpayer.

05 Bagaimanakah cara untuk mendaftar sendiri nombor cukai pendapatan?

How to self-register an income tax number?

Nombor cukai pendapatan boleh diperolehi melalui kaedah pendaftaran seperti berikut:

- (a) Secara dalam talian melalui menu e-Daftar di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>; atau
- (b) Kemukakan borang pendaftaran ke Pejabat HASiL yang berhampiran.

Income tax number can be obtained through the following registration methods:

- (a) *Via online through e-Daftar at the following link, <https://mytax.hasil.gov.my>; or*
- (b) *Submit the registration form to the nearest HASiL offices.*



06

Bagaimanakah cara untuk menyemak nombor cukai pendapatan yang telah didaftarkan oleh pihak HASiL?

How to check the income tax number that HASiL has registered?

Semakan pendaftaran nombor cukai pendapatan boleh dibuat melalui:

- (a) Secara dalam talian melalui MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>;
- (b) HASiL Live Chat;
- (c) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- (d) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL; atau
- (e) Pejabat HASiL yang berhampiran.

Checking for registration of income tax number can be done through:

- (a) *Via online through MyTax at the following link, <https://mytax.hasil.gov.my>;*
- (b) *HASiL Live Chat;*
- (c) *Hasil Care Line at 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Overseas);*
- (d) *Customer Feedback Form at HASiL's Official Portal; or*
- (e) *Nearest HASiL offices.*

PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
IMPLEMENTATION OF TAX IDENTIFICATION NUMBER UNDER THE INCOME TAX ACT 1967

07

Bilakah nombor pengenalan cukai ini akan mula berkuat kuasa?

When will this tax identification number take effect?

Pelaksanaan nombor pengenalan cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 66A ACP 1967.

The implementation of tax identification number takes effect on 1 January 2022 according to the new provision under Section 66A of the ITA 1967.

08

Adakah pembayar cukai yang telah mempunyai nombor cukai pendapatan perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan?

Do taxpayers who already have an income tax number need to submit an Income Tax Return Form?

Pembayar cukai yang dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan seksyen 77 dan 77A ACP 1967.

Taxpayers as specified under sections 77 and 77A of the ITA 1967 are required to submit Income Tax Return Forms.



09 Adakah individu yang mempunyai pendapatan yang tidak layak dikenakan cukai perlu mempunyai nombor cukai pendapatan dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan?

Will individuals with non- taxable income need to have an income tax number and submit an Income Tax Return Form?

Nombor cukai pendapatan akan diberikan kepada individu warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas melalui permohonan yang dibuat atau diberikan oleh pihak HASiL. Individu yang dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 77 ACP 1967.

Income tax number will be given to individuals who are citizen aged 18 years old and above through an application made or provided by HASiL. Individuals as specified under Section 77 of the ITA 1967 are required to submit Income Tax Return Forms.

10 Adakah individu berumur 18 tahun yang masih belajar sepenuh masa perlu mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan?

Will an individual who is 18 years old and undertaking full-time study need to submit an Income Tax Return Form?

Tidak. Pembayar cukai yang dikehendaki mengemukakan borang nyata adalah sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 77 ACP 1967.

No. Taxpayers as specified under Section 77 of the ITA 1967 are required to submit income tax return forms.

11 Adakah individu yang telah bersara perlu mendapatkan nombor cukai pendapatan dan mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan?

Does a retired individual need to obtain an income tax number and submit an Income Tax Return?

Individu yang telah bersara daripada suatu penggajian perlu mempunyai nombor cukai pendapatan sekiranya:

- dikehendaki mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan sepertimana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 77 ACP 1967;
- melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT 1976); atau
- melakukan penyeteman dokumen dan surat cara melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan di bawah Akta Setem 1949.

Individual who has retired from employment must have an income tax number if:

- required to submit an Income Tax Return Form as specified under Section 77 of the ITA 1967;*
- perform transactions on disposal and acquisition of property or shares in real property companies under the Real Property Gains Tax Act 1976 (RPGTA 1976); or*
- stamping of documents and instruments involving the transfer of property, transfer of shares and transfer of business under the Stamp Act 1949.*



**PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976
IMPLEMENTATION OF TAX IDENTIFICATION NUMBER UNDER THE
REAL PROPERTY GAINS TAX ACT 1976**

12 Adakah pelaksanaan Nombor Pengenaln Cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah ACKHT 1976?

Will the implementation of Tax Identification Number be applicable to transactions under the RPGTA 1976?

Ya. Penggunaan Nombor Pengenaln Cukai dalam Borang Nyata bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah ACKHT 1976 adalah diwajibkan.

Yes. The use of Tax Identification Number in the Return Form involving transactions under the RPGTA 1976 is mandatory.

13 Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah ACKHT 1976?

What is meant by transactions under the RPGTA 1976?

Semua pihak yang ingin melakukan transaksi pelupusan dan pemerolehan harta tanah atau syer dalam syarikat harta tanah perlu memiliki nombor cukai pendapatan.

All parties who wish to perform transactions of disposal and acquisition of real estates or shares in real property companies must have an income tax number.

14 Apakah dokumen yang memerlukan Nombor Pengenaln Cukai di bawah ACKHT 1976?

What documents require a Tax Identification Number under the RPGTA 1976?

Dokumen yang memerlukan nombor Pengenaln Cukai adalah termasuk:

- (a) Borang CKHT 1A;
- (b) Borang CKHT 1B;
- (c) Borang CKHT 2A;
- (d) Borang CKHT 3;
- (e) Bayaran di bawah seksyen 21B ACKHT 1976 melalui Borang CKHT 502 oleh pemeroleh; dan
- (f) Surat-menyurat dan rayuan.

Documents that require a Tax Identification Number include:

- (a) *Form CKHT 1A;*
- (b) *Form CKHT 1B;*
- (c) *Form CKHT 2A;*
- (d) *Form CKHT 3;*
- (e) *Payment under section 21B of the RPGTA 1976 through Form CKHT 502 by the acquirer; and*
- (f) *Correspondence and appeals.*

15 Bilakah Nombor Pengenaln Cukai ini akan mula berkuat kuasa?

When will this Tax Identification Number take effect?

Pelaksanaan Nombor Pengenaln Cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 57B ACKHT 1976.

The implementation of Tax Identification Number takes effect on 1 January 2022 according to the new provision under Section 57B of the RPGTA 1976.

PELAKSANAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI DI BAWAH AKTA SETEM 1949
IMPLEMENTATION OF TAX IDENTIFICATION NUMBER UNDER THE STAMP ACT 1949

16 Adakah pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai ini terpakai bagi transaksi di bawah Akta Setem 1949?

Will the implementation of Tax Identification Number be applicable to transactions under the Stamp Act 1949?

Ya. Penggunaan Nombor Pengenal Cukai dalam borang permohonan penyeteman bagi urusan yang melibatkan transaksi di bawah Akta Setem 1949 adalah diwajibkan.

Yes. The use of Tax Identification Number in the stamping application involving transactions under the Stamp Act 1949 is mandatory.

17 Apakah yang dimaksudkan dengan transaksi di bawah Akta Setem 1949?
What is meant by transactions under the Stamp Act 1949?

Bagi fasa awal pelaksanaan, dokumen dan surat cara penyeteman melibatkan pindah milik harta tanah, pindah milik saham dan pindah milik perniagaan untuk kategori syarikat dan individu perlu menggunakan nombor cukai pendapatan.

In the initial phase of implementation, documents and instruments for stamping related to the transfer of property, transfer of shares and transfer of business for categories of companies and individuals will need to use an income tax number.

18 Bilakah Nombor Pengenal Cukai ini akan mula berkuat kuasa?
When will this Tax Identification Number take effect?

Pelaksanaan Nombor Pengenal Cukai ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 selaras dengan peruntukan baharu di bawah Seksyen 77C Akta Setem 1949.

The implementation of Tax Identification Number takes effect on 1 January 2022 according to the new provision under Section 77C of the Stamp Act 1949.

NOTA
NOTE

1. Soalan lazim (FAQ) ini disediakan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat, FAQ versi Bahasa Melayu akan diguna pakai.

1. This frequently asked question (FAQ) is prepared in dual language. Should any discrepancy arise, FAQ in the Malay version will be applicable.

2. FAQ ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat perubahan dan maklumat tambahan.

2. This FAQ will be updated from time to time if there are any changes and additional information.

e-Filing



Info lanjut sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details



Pengguna Kali Pertama First Time User

Mohon Nombor PIN di e-KYC/ MyTax/
Pejabat HASiL / UTC / Pusat Khidmat
Hasil yang berdekatan

Get your PIN Number via e-KYC/ MyTax/
HASiL offices / UTC / Revenue Service
Centre only.

*Peringatan : Wakil dibenarkan dengan membawa surat kuasa / kebenaran

*Reminder : Representative is allowed with authorized letter from taxpayer

Langkah-Langkah Untuk Log Masuk Kali Pertama Steps For First Time Login

- | | |
|---|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Klik e-Filing. 2. Log masuk kali pertama. 3. Masukkan nombor PIN dan nombor MyKad. 4. Cipta kata laluan dan frasa keselamatan. 5. Pilih borang yang betul. 6. Isi dan lengkapkan borang. 7. Sahkan Maklumat. 8. Tandatangan dan hantar. 9. Cetak salinan pengesahan. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Click e-Filing 2. First Time Login 3. Key In PIN number and MyKad number 4. Create Password and Security phrase 5. Choose correct form 6. Fill In and complete the form 7. Verify Information 8. Sign and submit 9. Print Acknowledgment receipt |
|---|---|



Pengguna Sedia Ada (Terlupa Kata Laluan) Existing User (Forgot Password)

- | | |
|---|---|
| - Set semula kata laluan melalui MyTax :
i) e-mel berdaftar dengan HASiL;
ii) Hadir ke Pejabat HASiL berdekatan | - Reset password via MyTax:
i) Registered email with HASiL
ii) Visit to nearest HASiL offices |
|---|---|

Langkah-Langkah Untuk Pengguna Sedia Ada (Terlupa Kata Laluan) Steps For Existing User (Forgot Password)

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Log masuk MyTax 2. Terlupa kata laluan 3. Pilih e-mel berdaftar dengan LHDNM | <ol style="list-style-type: none"> 1. Log in MyTax 2. Forgot password 3. Select email registered with LHDNM |
|---|--|

Jika tiada e-mel berdaftar, hadir ke Pejabat HASiL untuk set semula kata laluan.
Visit to nearest HASiL offices if there is no email registered with LHDNM to reset your password.

BAYARAN CUKAI PENDAPATAN INCOME TAX PAYMENT

ByrHASil (Online Payment Gateway):
Mudah, Cepat dan Selamat | Easy, Fast and Safe



Info lanjut sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details

01

Layari | Log on to
<https://byrhasil.hasil.gov.my/First Time User>

Bayaran menggunakan Nombor Bil dan Nombor Rujukan Cukai / Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number - TIN). Pilih bayaran menerusi FPX di portal perbankan internet bank yang tersenarai. Pembayar cukai boleh membuat carian nombor bil melalui Sistem 'e-Billing' dan 'Carian Nombor Bil' dalam 'MyTax' sebelum membuat bayaran.

Payment using Bill Number and Tax Reference Number / Tax Identification Number (TIN). Choose to pay via FPX on the listed bank's internet banking portal. Taxpayers can search the bill number through 'e-Billing' system and 'Search Bill Number' in 'MyTax' before making a payment.

02

Layari URL berikut untuk pengisian dan pembayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB)* bagi pekerja
Visit the following URL for Monthly Tax Deduction (MTD)* filling and payment.

i

<https://ekls.hasil.gov.my/>

ii

<https://eapps.hasil.gov.my>

* LHDNM telah menghentikan penerimaan bayaran PCB menggunakan cek dan tunai di seluruh kaunter bayaran LHDNM termasuklah yang dihantar menerusi pos atau kurier.

**The IRBM has stopped accepting MTD payments by cheque and cash at all IRBM payment counters including those sent by post or courier.*

Bayaran Cukai | Tax Payment

Cukai Pendapatan (bagi Individu dan Syarikat), Cukai Keuntungan Harta Tanah dan Potongan Cukai Bulanan (PCB) boleh dibayar menerusi Bank Komersial dan Pejabat Pos yang dilantik sebagai ejen kutipan melalui pelbagai medium** menggunakan nombor rujukan cukai / nombor pengenalan cukai (Tax Identification Number - TIN) ATAU Nombor Bil. Kedua-dua maklumat boleh diterima untuk memproses bayaran cukai.

*Income Tax (for Individuals and Corporate), Real Property Gain Tax (RPGT) and Monthly Tax Deduction (MTD) can be paid through Commercial Banks and Post Offices appointed as collection agents through various mediums** using Tax Reference Number / Tax Identification Number (TIN) OR Bill Number. Both information is acceptable for processing tax payments.*

Medium Bayaran Payment Mode	Jenis Bayaran Payment Type		
	CP Income Tax	CKHT RPGT	PCB MTD
Kaunter Bank / Kaunter Pejabat Pos <i>Bank / Pos Malaysia Office Counter</i>			
Mesin Juruwang Automatik (ATM) <i>Automated Teller Machine (ATM)</i>			
Perbankan Internet (Internet Banking) <i>Internet Banking</i>			
Perbankan Telefon/ Telefon Mudah Alih (Phone/ Mobile Banking) <i>Phone/Mobile Banking</i>			
Mesin Deposit Tunai (Cash Deposit Machine) <i>Cash Deposit Machine</i>			
Mesin Deposit Cek <i>Cheque Deposit Machine</i>			

** Setiap ejen kutipan yang dilantik menawarkan pilihan perkhidmatan yang berbeza. Penggunaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ejen.

** Each appointed collection agent offers different service options, subject to the terms and conditions set by the agent.

Pembayar cukai boleh merujuk maklumat lengkap berhubung bayaran di laman web rasmi LHDNM. Taxpayer may refer to IRBM official website (www.hasil.gov.my) for further information on the tax payment.

Resit bayaran dan slip penerimaan dari bank perlu disimpan untuk rujukan masa hadapan. Semua resit dikeluarkan oleh ejen kutipan yang dilantik dianggap sebagai resit rasmi.

The payment receipt and acceptance slip from the bank should be kept for future reference. All receipts issued by the appointed collection agent are considered official receipts.

Pemakluman | Notification

Bayaran menerusi Pindahan Telegrafik (TT)/ Electronic Funds Transfer (EFT) and Interbank Giro (IBG)

Payment through Telegraphic Transfer (TT)/ Electronic Funds Transfer (EFT) and Interbank Giro (IBG)

Pembayar cukai atau pihak pembayar perlu menggunakan Nombor Akaun Maya (Virtual Account Number (No. VA)) melalui Sistem e-TT. Pembayar cukai atau pihak pembayar dikehendaki log masuk ke sistem e-TT dan mengisi maklumat bayaran yang diperlukan bagi mendapatkan No. VA yang akan digunakan untuk membuat bayaran menerusi Telegraphic Transfer (TT)/Electronic Funds Transfer (EFT)/ Interbank GIRO (IBG).

Payors or Taxpayers who wish to pay tax through TT medium from within and outside Malaysia will be required to log in to the e-TT system at My Tax Portal; <https://mytax.hasil.gov.my> through 'ezHasil Services' > 'e-TT' to provide the required payment information and to use the VA Number generated by the system as their payment account number when making the payment through TT at the bank counter or through electronic banking portal.

Pembayar cukai boleh merujuk laman web rasmi LHDNM bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung prosedur bayaran menerusi TT/EFT /IBG.

Taxpayer may refer to IRBM official website (www.hasil.gov.my) for further information on the new e-TT System.

Kaunter Pusat Bayaran LHDNM

IRBM Payment Counters

Bayaran menggunakan Nombor Rujukan Cukai / Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number - TIN) ATAU Nombor Bil / Payment Reference Number (PRN) – kedua-dua maklumat boleh diterima oleh pusat bayaran untuk memproses bayaran cukai berikut:

Payment using Tax Reference Number / Tax Identification Number (TIN) OR Bill Number are accepted by the payment counters for the following income tax payments:



Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) – Pegangan cukai 3% oleh pemeroleh hartanah di bawah seksyen 21 B Akta CKHT 1976 (Borang CKHT502) - bayaran menggunakan cek/draf bank/tunai
Real Property Gains Tax (RPGT) – 3% of assets disposal value withheld by purchaser under section 21B of RPGT 1976 (CKHT 502 Form) – payment through cheque/bank draft/cash



Cukai Pendapatan Penghibur Awam (Seniman Kembara) - bayaran menggunakan tunai atau draf bank sahaja
Income Tax by Foreign Artists (Public Entertainer) – payment through bank draft/cash only



Cukai Pegangan - bayaran menggunakan cek/draf bank/tunai
Withholding Tax – payment through cheque/bank draft/cash only





Bayaran Kompaun - bayaran menggunakan tunai/draf bank sahaja

Compound Payment – payment through bank draft/cash only



Bayaran cukai pendapatan menggunakan kad kredit/debit (bagi bayaran cukai pendapatan sahaja) - kad keluaran bank dalam Malaysia sahaja, tiada kemudahan ansuran 'ezypay' di terminal kaunter.

Income Tax Payment using Credit/Debit Card (payment of income tax only) - cards issued by banks in Malaysia only, without 'ezypay' instalment facility.



Bayaran cukai menggunakan Wang Tunai / Cek Berpalang, Draf Bank, Kiriman Wang dan Wang Pos; atas nama Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Tax payment using Cash / Crossed Cheque, Bank Draft, Money Order and Postel Order; in the name of 'Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri'

Bayaran menggunakan cek boleh dihantar menerusi pos atau kurier kepada ***

*Payment by cheque can be sent by post or courier to ****



Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia

LHDNM Pusat Bayaran Kuala Lumpur,
Kompleks Bangunan Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim,
50600 Kuala Lumpur

Sabah and WP Labuan Sabah and WP Labuan

LHDNM Kota Kinabalu, Tingkat Bawah,
Menara Hasil Jalan Tuanku Abdul Rahman,
88600 Kota Kinabalu, Sabah

Sarawak Sarawak

LHDNM Kuching, Tingkat Satu, Menara Hasil,
No. 1, Jalan Padungan 93100 Kuching Sarawak



*** Tertakluk kepada jenis bayaran yang masih diterima melalui pos atau kurier sahaja. Rujuk maklumat bayaran di laman web rasmi LHDNM (www.hasil.gov.my) untuk maklumat lanjut.

*** Subject to the type of payment accepted by post or courier only. Kindly refer to IRBM official website (www.hasil.gov.my) for further information.

Jenis Type	Borang Form	Tarikh Akhir Pembayaran Last Date of Payment
Maklumat Potongan Cukai Bulanan pekerja (Individu- penerima pendapatan Penggajian) <i>Monthly Tax Deduction (MTD) (Individuals- Employment income)</i>	e-PCB e-Data PCB e-CP39	15hb bulan berikutnya <i>15th of the following month</i>
Individu Mempunyai Punca Perniagaan <i>Individuals With Business Income</i>	CP 500	30hb setiap bulan ansuran (Setiap bulan ganjil bermula Mac) <i>30th of the month of installment (Every odd month starts in March)</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan berkanun dan Persatuan Koperasi <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies</i>	CP 204	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of installment</i>
Syarikat Petroleum Huluhan <i>Upstream Petroleum Company</i>	CP 250	15hb pada setiap bulan ansuran <i>15th of the following month of installment</i>

Jenis Type	Borang Form	Tarikh Akhir Pembayaran Last Date of Payment
Individu Tidak Menjalankan Perniagaan <i>Individuals Without Business Income</i>	BE	30hb April <i>30th April</i>
Individu Menjalankan Perniagaan <i>Individuals With Business Income</i>	B	30hb Jun <i>30th June</i>
Syarikat Berdaftar, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Petroleum <i>Registered Companies, Limited Liability Partnerships, Trust Bodies and Cooperative Societies, Petroleum Companies</i>	C / CPE / CS / PT	7 bulan selepas penutupan tempoh perakaunan <i>within 7 months from the close of the accounting period or the last day of any allowed extension period.</i>



Info lanjut sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details

SEKATAN PERJALANAN STOPPAGE ORDER

Tindakan penguatkuasaan yang dikenakan kepada individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan cukai di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Enforcement action is imposed on individuals /company directors who fail to settle their tax under Section 104 of the Income Tax Act (ITA) 1967 or Section 22 of the Real Estate Property Gains Tax (RPGT) Act 1976.

Semak Sebelum Keluar Negara Before Leaving the Country

- Pembayar cukai boleh melayari MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> untuk memastikan status mereka sebelum keluar negara.
Taxpayers can access MyTax at the link <https://mytax.hasil.gov.my/> to ascertain their status before leaving the country;
- Warganegara Malaysia boleh melayari laman web Jabatan Imigresen Malaysia di pautan <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> untuk memastikan sekiranya terdapat Sekatan Perjalanan yang dikenakan kepada mereka.
Malaysian citizens can visit the Immigration Department of Malaysia website via <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/> to ascertain if there is a Stoppage Order imposed on them.

Tindakan yang Perlu Diambil Sekiranya Disekat? What You Should Do If There Is a Stoppage Order?

Anda diminta untuk hadir ke pejabat HASiL yang berdekatan atau hubungi nombor telefon berikut untuk membuat semakan tunggakan cukai, menjelaskan tunggakan dan membuat permohonan keluar negara.

You may appeal to the nearest HASiL office or contact the following telephone numbers for assistance to check the amount of arrears and pay the outstanding balance and apply for travel abroad application.

Talian Contact Us At	Nombor Telefon Telephone Numbers	Waktu Pejabat Office Hours
Pegawai Perhubungan Awam Negeri Customer Care Officer	Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (dicadangkan kod QR) Customer Care Officer Inland Revenue Board of Malaysia (suggested for QR code)	Ahad – Jumaat* 8.00 pagi – 5.00 petang Sunday – Friday* 8.00 am – 5.00 pm
HASiL Care Line	03-8911 1000	Isnin – Jumaat 9.00 pagi – 5.00 petang Monday – Friday 9.00 am – 5.00 pm
HASiL Recovery Call Center (HRCC)	03-8751 1000	

*Mengikut hari bekerja negeri yang berkenaan
**According to the working days of the State concerned*

- Kemukakan resit / bukti bayaran kepada pejabat HASiL yang berdekatan sama ada secara kediri atau kepada Pegawai Perhubungan Awam Negeri.
Submit the receipt / proof of payment to the nearest HASiL office that handles your tax file.

Kaedah Bayaran Payment Method

Melalui ByrHASiL

ByrHASiL

<https://byrhasil.hasil.gov.my/>

- Perbankan Internet (FPX)
Internet Banking (FPX)
- Kad Kredit (Visa, MasterCard & American Express)
Credit Card (Visa, MasterCard & American Express)
(tertakluk kepada terma dan syarat)
(subject to terms and conditions)

Kaedah Pembayaran Lain

Other Payment Methods

<https://www.hasil.gov.my/individu/kitaran-cukai-individu/bayaran/kaedah-pembayaran/>

- Kaunter Bank (terpilih), ATM, CDM (bank terpilih)
Bank Counters (Selected), ATM, CDM (selected banks)
- Pejabat Pos Malaysia
Pos Office Counter

*Untuk maklumat lanjut, sila layari laman rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

*For more information, please visit HASiL's official website at www.hasil.gov.my

Maklumat Bayaran Payment Information

1

Lengkapkan nombor rujukan cukai atau nombor pendaftaran syarikat bagi syarikat atau nombor kad pengenalan baharu atau pasport bagi individu;
Complete the tax file number or company registration number for company or the new identity card or passport number for the individual;

2

Lengkapkan Kod dan Jenis bayaran, pilih
Complete the Code and Payment Type, select



084 / 095 (Bayaran Cukai Pendapatan-Individu),
084 / 095 (Individual Income Tax Payment),



086 (Bayaran Cukai Pendapatan Syarikat),
086 (Company Income Tax Payment),



090 (Bayaran Cukai Keuntungan Harta Tanah).
090 (Real Property Gain Tax Payment)

3

Lengkapkan tahun taksiran tunggakan cukai;
Complete the assessment year of tax arrears;

4

Bilangan ansuran : 99;
Number of installments: 99;

5

Pastikan nombor bil yang digunakan adalah tepat semasa membuat bayaran.
Make sure the bill number used is correct when making payment.

Jenis Permohonan

Type of Application

Pembatalan

Cancellation



- Menjelaskan amaun sepenuhnya mengikut sijil atau perakuan yang dikeluarkan;
Clarifying the amount in full according to the certificate issued;
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara.
Get an approval letter before leaving the country.

Pelepasan Sementara

Temporary Release



- Bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada sijil atau perakuan yang dikeluarkan dan membuat aturan bayaran ansuran untuk baki tunggakan cukai;
Payment of at least 50% of the issued certificate and make installment payment arrangements for the remaining tax arrears;
- Sila patuhi aturan bayaran ansuran yang telah dipersetujui dengan pihak HASiL;
Please adhere to the installment payment rules that have been agreed upon with the HASiL;
- Hadir atau hubungi Pejabat HASiL yang berdekatan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara;
Attend or contact the nearest HASiL offices at least five (5) days before the date of travel abroad;
- Kemukakan surat atau e-mel permohonan dengan menyatakan maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara;
Submit a letter or email of application stating the destination information, purpose and period abroad;
- Dapatkan surat kelulusan sebelum keluar negara;
Get an approval letter before leaving the country;
- Permohonan baharu boleh dibuat jika tempoh kelulusan pelepasan telah tamat.
A new application can be made if the release approval period has expired.

HASiL LIVE CHAT

HASiL Live Chat merupakan salah satu perkhidmatan khidmat pelanggan LHDNM yang telah dilancarkan pada 1 November 2019.

HASiL Live Chat is one of the services offered by LHDNM Customer Service that was launched on November 1, 2019.

Demi meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan LHDNM agar lebih pantas dan efisien.

In order to improve the quality of LHDNM service delivery to be faster and efficiently.

Melibatkan isu dan pertanyaan berkaitan cukai pendapatan, duti setem, CKHT dan semua perkhidmatan di bawah kendalian LHDNM.

Involves issues and inquiries related to income tax, stamp duty, RPGT and all services under LHDNM.



Ciri-Ciri | Features

Boleh dicapai di mana-mana kawasan yang mempunyai capaian internet.

Can be reached in any area with internet access.

Pengguna perlu memasukkan butiran peribadi sebelum dibenarkan untuk berhubung dengan pegawai.

Users need to enter personal details before being allowed to communicate with officers.

Pengguna boleh memuat naik dokumen rujukan semasa sesi perbualan.

Users can upload reference documents during a conversation session.



Capaian | Access

Boleh dicapai melalui laman web rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my

Can be accessed through the LHDNM's official website at www.hasil.gov.my



Waktu Operasi | Operation Hours

9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

9.00 am to 5.00 pm.

HASIL KNOWLEDGE CENTRE (HKC)

HKC merupakan satu sistem interaktif secara atas talian yang membantu pelanggan untuk mendapatkan maklumat secara segera dan pantas.

HKC is an online interactive system that helps users to get information immediately and quickly.

HKC tersedia dalam dwibahasa, iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

HKC is available in bilingual, which is Bahasa Malaysia and English.

Fungsi HKC | HKC Function



HKC akan menjana jawapan yang berkaitan dengan kata kunci yang dimasukkan oleh pelanggan ke ruangan yang disediakan. Pelanggan dapat memilih pautan yang berkaitan bagi memperoleh maklumat lanjut.

HKC will generate answers related to the keywords entered by the users into the space provided. Users can select the relevant link to obtain more information.

Bagi memudahkan kelancaran, pengguna perlu mempunyai capaian internet.

To facilitate smoothness, users need to have internet access.



Capaian | Access

HKC dapat diakses 24 jam melalui portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my yang terletak di ruangan kanan portal berbentuk "Tanya@HKC".

HKC can be accessed 24 hours through the IRBM's official portal at www.hasil.gov.my which is located at the right column of the portal in the form of "Tanya@HKC".

AMBANG JUMLAH PENDAPATAN INDIVIDU TIDAK DIKENAKAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2022

**INCOME THRESHOLD NOT SUBJECT TO TAX
FOR YEAR OF ASSESSMENT 2022**



Diri Sendiri/ Bujang Self/Single

RM 37,333
setahun/annually
RM 3,111
sebulan/monthly

Taksiran Berasingan Separate Assessment



BERKAHWIN + 1 ANAK MARRIED + 1 CHILD

RM 39,333
setahun/annually
RM 3,278
sebulan/monthly

BERKAHWIN + 2 ANAK MARRIED + 2 CHILDREN

RM 41,333
setahun/annually
RM 3,444
sebulan/monthly



Taksiran Bersama Joint Assessment



BERKAHWIN + 0 ANAK MARRIED + 0 CHILD

RM 48,000
setahun/annually
RM 4,000
sebulan/monthly

BERKAHWIN + 1 ANAK MARRIED + 1 CHILD

RM 50,000
setahun/annually
RM 4,167
sebulan/monthly

BERKAHWIN + 2 ANAK MARRIED + 2 CHILDREN

RM 52,000
setahun/annually
RM 4,333
sebulan/monthly

Rebat Cukai / Tax Rebate

INDIVIDU DENGAN PENDAPATAN BERCUKAI TIDAK MELEBIHI RM 35,000 DIBERIKAN REBAT SENDIRI (RM 400) BAGI TAKSIRAN DIRI SENDIRI / BUJANG DAN TAKSIRAN BERASINGAN, ATAU REBAT SENDIRI (RM 400) DAN REBAT SUAMI / ISTERI (RM 400) BAGI PILIHAN TAKSIRAN BERSAMA
INDIVIDUAL WITH TAXABLE INCOME NOT EXCEEDING RM 35,000 WILL BE GIVEN REBATE (RM 400) FOR SELF-ASSESSMENT / SINGLE AND SEPARATE ASSESSMENT, OR REBATE (RM 400) AND HUSBAND / WIFE REBATE (RM 400) FOR JOINT ASSESSMENT OPTIONS

JABATAN KHIDMAT KORPORAT



CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hasil.gov.my
For further information, please visit www.hasil.gov.my

Penafian: Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

Disclaimer: This article is published for general information only. It does not contain final advice or complete information pertaining to a particular topic and should not be used as a legal reference



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



[@lhdnmofficial](https://www.instagram.com/lhdnmofficial)



03-8911 1000

KADAR CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH
(CKHT)
REAL PROPERTY GAINS TAX (RPGT) RATES



Info lanjut sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details

TEMPOH PELUPUSAN DISPOSAL PERIOD	KADAR CUKAI (%) RATE (%)					
	1.1.2010 - 31.12.2011	1.1.2011 - 31.12.2012	1.1.2012 - 31.12.2013	1.1.2013 - 31.12.2018	1.1.2019 - 31.12.2021	MULAI 1.1.2022 W.E.F. 1.1.2022
Dalam tempoh 2 tahun <i>Within two years</i>	5	10	15	30	30	30
Dalam tempoh ke-3 <i>In the third year</i>	5	5	10	30	30	30
Dalam tempoh ke-4 <i>In the fourth year</i>	5	5	10	20	20	20
Dalam tempoh ke-5 <i>In the fifth year</i>	5	5	10	15	15	15
Dalam tahun ke-6 atau seterusnya <i>In the sixth year and thereafter</i>	5*	5**	5***	0	5	Tiada Nil

Informasi / Information



Penafian: Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU TAHUN TAKSIRAN 2022

INDIVIDUAL INCOME TAX RATES ASSESSMENT YEAR 2022



Info lanjut sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details

KATEGORI CATEGORY	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (RM) CHARGEABLE INCOME (RM)	PENGIRAAN (RM) CALCULATION (RM)	KADAR (%) RATE (%)	CUKAI (RM) TAX (RM)
A	0 - 5,000	5,000 pertama <i>On the first 5,000</i>	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya <i>On the first 5,000 Next 15,000</i>	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya <i>On the first 20,000 Next 15,000</i>	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya <i>On the first 35,000 Next 15,000</i>	8	600 1,200
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya <i>On the first 50,000 Next 20,000</i>	13	1,800 2,600
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya <i>On the first 70,000 Next 30,000</i>	21	4,400 6,300
G	100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya <i>On the first 100,000 Next 150,000</i>	24	10,700 36,000
H	250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya <i>On the first 250,000 Next 150,000</i>	24.5	46,700 36,750
I	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya <i>On the first 400,000 Next 200,000</i>	25	83,450 50,000

KATEGORI CATEGORY	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (RM) CHARGEABLE INCOME (RM)	PENGIRAAN (RM) CALCULATION (RM)	KADAR (%) RATE (%)	CUKAI (RM) TAX (RM)
J	600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya On the first 600,000 Next 400,000	26	133,450 104,000
K	1,000,001 - 2,000,000	1,000,000 pertama 1,000,000 berikutnya On the first 1,000,000 Next 1,000,000	28	237,450 280,000
L	Melebihi 2,000,000	2,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya On the first 2,000,000 Next ringgit	30	517,450 ...

KADAR CUKAI SYARIKAT
TAHUN TAKSIRAN 2022
COMPANY TAX RATE YEAR ASSESSMENT 2022



Info lanjut, sila imbas
Kod QR di sini
Scan this QR Code
for details

Syarikat dengan modal berbayar tidak melebihi RM 2.5 juta
Company with paid up capital not more than RM 2.5 million



Syarikat dengan modal berbayar melebihi RM 2.5 juta
Company with paid up capital more than RM 2.5 million



10

PERKARA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG CUKAI PENDAPATAN

IMPORTANT ITEMS THAT YOU MUST KNOW ABOUT INCOME TAX



01

Saraan bersih bulanan yang dikenakan cukai selepas pemotongan KWSP RM 3,111 (kategori bujang)
Monthly net income taxable after EPF deduction RM 3,111 (for single assessment)

02

Dapatkan nombor cukai pendapatan di e-Daftar
Register your income tax number via e-Daftar
(<http://edaftar.hasil.gov.my>)

03

Apakah yang perlu saya lakukan jika saya layak dikenakan cukai?
What should I do if my income is taxable?

- Daftar no. cukai pendapatan
Register income tax number
- Bayar tunggakan cukai
Pay any tax arrears
- Hantar dan lapor pendapatan
Submit and declare income
- Simpan dokumen dengan lengkap dan teratur
Keep proper tax documents

04

Terdapat 21 pelepasan cukai yang layak dituntut oleh pembayar cukai
There are 21 tax reliefs that can be claimed by a taxpayer

05

Perbezaan rebat dan pelepasan cukai
Differences between tax rebate and tax relief

- Rebat Cukai : potongan ke atas cukai pendapatan kena bayar
Tax rebate : deducted from actual taxed amount
contoh
Example
Rebat Cukai : Individu yang mempunyai pendapatan bercukai RM 35,000 layak menuntut rebat (RM 400).
Tax rebate : Individuals who have taxable income of RM 35,000 are eligible to claim a rebate of (RM 400).

- Pelepasan Cukai : Amaun yang dibenarkan untuk tolakan ke atas pendapatan yang diterima.
Tax relief : Amount allowed to be deducted from the income received.



06

Apakah itu Potongan Cukai Bulanan (PCB)?

What is Monthly Tax Deduction (MTD)?

- PCB adalah potongan cukai pendapatan secara bulanan yang dilakukan oleh majikan.

MTD is an income tax deduction on a monthly basis by the employer.

- Membantu untuk mengurangkan beban membayar cukai sekali gus.

Helps to reduce the burden of paying taxes at once.

- Potongan dibuat berdasarkan jumlah saran bersih bulanan pembayar cukai.

Deductions are made based on the taxpayer's monthly net remuneration amount.

- Ditolak daripada gaji bulanan yang diterima oleh pembayar cukai yang layak.

Deducted from the monthly salary received by the eligible taxpayer.

07

Bagaimanakah cara untuk menghantar Borang Nyata (BN)?

How to submit Return Form (RF)?

- e-Filing melalui MyTax

E-Filing via MyTax

08

Apakah yang perlu saya lakukan jika ingin log masuk sistem e-Filing?

What should I do if I want to log in e-Filing system?

- Perlu dapatkan nombor PIN daripada Borang Maklum balas Pelanggan di portal HASiL

Must get the PIN number via Customer Feedback Form at HASiL portal

09

Apakah yang perlu saya lakukan jika terlupa kata laluan e-Filing? Set semula kata laluan melalui:

*What should I do if I forgot my e-Filing password?**Reset your password via:*

- E-mel berdaftar HASiL melalui MyTax

Registered email with HASiL via MyTax

09

Cara bayaran cukai pendapatan

Tax payment method

- ByrHASiL

ByrHASiL

- Perbankan internet

Internet Banking

- Kad kredit

Credit card

- Kaunter bayaran

Payment counter

5

PERKARA ANDA PERLU TAHU UNTUK PERSEDIAAN E-FILING

THINGS YOU NEED TO KNOW FOR E-FILING PREPARATION



e-Daftar | e-Daftar

Daftar sebagai pengguna MyTax
melalui e-Daftar
Register as MyTax user via e-Daftar

01



Dokumen | Documents

Kumpulkan semua dokumen yang berkaitan termasuklah resit-resit pelepasan cukai untuk memudahkan proses pelaporan cukai

Compile all relevant documents including tax relief receipts to ease the tax reporting process

02

e-Lejar | e-Lejar

Semak kedudukan cukai terkini melalui e-Lejar
Check current tax position via e-Lejar

03



ByrHASiL | ByrHASiL

Bayar cukai melalui ByrHASiL
Pay tax using ByrHASiL

04

www://

Portal Rasmi HASiL | HASiL Official Portal

Dapatkan maklumat terkini percukaian melalui portal rasmi HASiL di www.hasil.gov.my

Get the latest information on taxation through HASiL official portal at www.hasil.gov.my

05



9M-MAC

